

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 1/1988

PENGELUARAN HAKMILIK RUMAH AWAN KOS RENDAH
DENGAN NAMA PERBADANAN MENTERI BESAR.

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 27.1.88 semasa menimbang kertas Bil.2/85/88(44) telah membuat keputusan supaya hakmilik bagi Projek Rumah Awan Kos Rendah bagaimana senarai di **Lampiran 'A'** dikeluarkan dengan nama Perbadanan Menteri Besar Kelantan. Semua bayaran yang terlibat dengan pendaftaran hakmilik yang patut dibayarkan kepada Kerajaan Negeri adalah dikecualikan. Bayaran yang dimaksudkan ialah:-

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| (a) | Bayaran memfail permohonan | : | \$ 5.00 |
| (b) | Bayaran pendaftaran dan pengeluaran hakmilik sementara | : | \$25.00 |
| (c) | Bayaran Premium | : | Dikecualikan |
| (d) | Hasil Tanah | : | Mengikut kadar dalam Peraturan Tanah 1965 |

2. Diperingkat penyediaan hakmilik sementara segala bayaran yang merupakan hasil Persekutuan tidak dapat dikecualikan dan perlulah dibayarkan dahulu oleh Pihak Kerajaan dan dituntut kemudian daripada pembeli. Bayaran yang dimaksudkan ialah :-

- | | | | |
|-----|------------------------|---|---|
| (a) | Upah Ukur | - | Lebih kurang \$50.00 seunit |
| (b) | Batu Sempadan | - | \$5.00 tiap-tiap satu |
| (c) | Penyediaan geran mukin | - | \$5.00 atau \$10.00 tiap-tiap satu atau geran Negeri. |

3. Adapun syarat lain yang dikenakan di atas hakmilik berkenaan adalah seperti berikut :-

(a) Jenis Hakmilik - Geran Negeri bagi Tanah Bandar dan
Geran Mukim bagi Tanah Desa.

(b) Sekatan Kepentingan

(i) Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh dipindahmilik atau diberi pajak melainkan setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.

(ii) Sekatan (i) adalah dikecualikan bagi pindahmilik pertama daripada Perbadanan Menteri Besar kepada pembeli pertama.

(c) Syarat Khas

Tanah ini dikecuali daripada membayar hasil tanah selama ia dimiliki oleh Perbadanan Menteri Besar.

4. Semua Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil ingatan tentang keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang tersebut di atas dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membuat 'demarcation' tanah-tanah dalam projek berkenaan bagi maksud pengeluaran hakmilik kepada Perbadanan Menteri Besar.

t.t

(HJ.ISMAIL HASSAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
15576 KOTA BHARU.**

BERTARIKH: 1HB. MAC, 1988

FAIL: P.T.G.KN.4/2/15/(13)

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :-

1. YAB. Dato' Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Ukur Negeri Kelantan.
7. YABrs. Pengurus Besar KESEDAR.
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Kelantan.
9. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan) Pejabat SUK.

LAMPIRAN 'A'

SENARAI PROJEK AWAM KOS RENDAH DI DALAM NEGERI KELANTAN

Bil.	Nama Projek	Bil.Unit	Tempat	Jajahan
1.	RAKR. Padang Tembak (Teres)	416	Padang Tembak	Kota Bharu
2.	RAKR. Buluh Kubu Fasa I (Pangsa)	118	Buluh Kubu	Kota Bharu
3.	RAKR. Bachok I & II (Teres)	51	Bachok	Bachok
4.	RAKR. Kandis, Bachok (Sesebuah)	105	Kandis	Bachok
5.	RAKR. Perupok, Bachok (Teres)	51	Perupok	Bachok
6.	RAKR. Cherang Ruku, Pasir Puteh (Rumah sesebuah dan kedai)	91 7	Cherang Ruku	Pasir Puteh
7.	RAKR. Pasir Puteh Bandar (Rumah sesebuah dan kedai)	173 8	Pasir Puteh Bandar	Pasir Puteh
8.	RAKR. Padang Selising, Machang	148	Padang Selising	Machang
9.	RAKR. Manal Jaya, Tanah Merah (sesebuah)	133	Manal Jaya	Tanah Merah
10.	RAKR. Taman Binjal Manis	112	Ketereh	Kota Bharu
11.	RAKR. Cherang Ruku, Pasir Puteh (Tambahan) (Sesebuah)	61	Cherang Ruku	Pasir Puteh
12.	RAKR. Panyit, Machang (Teres)	57	Panyit	Machang
13.	RAKR. Temangan Machang (Teres)	72	Temangan	Machang
14.	RAKR. Banggol Kulim, Rantau Panjang (Teres)	204	Banggol Kulim Rantau Panjang	Pasir Mas
15.	RAKR. Cabang Empat, Tumpat (Teres)	156	Cabang Empat	Tumpat
16.	RAKR. Kusial Baru, Tanah Merah (Teres)	279	Kusial Baru	Tanah Merah
17.	RAKR. Sungai Durian, Kuala Krai (Teres)	76	Sungai Durian	Kuala Krai
18.	RAKR. Batu 3, Jalan Pahi (Teres)	137	Batu 3, Jalan Pahi	Kuala Krai
19.	RAKR. Buluh kubu Fasa II (Pangsa)	118	Buluh Kubu	Kota Bharu
20.	RAKR. Kok Lanas, Kota Bharu	146	Kok Lanas	Kota Bharu
21.	RAKR. Kg. Dangar, Pasir Mas (Teres)	108	Kg. Dangar	Pasir Mas